

- Arahan :**
1. Murid dibahagikan kepada beberapa orang dalam satu kumpulan.
 2. Guru akan menyediakan lembaran kerja kumpulan, kertas A4, kertas mahjong dan *marker pen*.
 3. Panduan aktiviti iaitu :

- (a) Guru akan mengedarkan lembaran kerja yang berbentuk sesuatu situasi.
- (b) Berdasarkan situasi tersebut, murid dikehendaki mengaitkan dengan amalan rajin dan kepentingan amalan rajin demi kemajuan negara.
- (c) Murid akan menulis respon dalam kertas masing-masing.
- (d) Kemudian murid akan mengedarkan catatan mereka mengikut pusingan jam supaya setiap ahli kumpulan akan dapat menambah atau membetulkan apa yang ditulis.

Kad Situasi 1

Cheong Lee pandai bertukang dan mencipta perabot kecil daripada kayu terpakai. Kawan-kawannya mencadangkan agar dia membuka bengkel. Bagaimana Cheong Lee boleh memajukan bakatnya untuk memberi faedah kepada masyarakat dan negara?

Kad Situasi 2

Suresh menyertai kelab robotik dan kumpulannya diminta mencipta alat yang dapat membantu para petani di Malaysia. Bagaimanakah Suresh boleh memastikan hasil ciptaannya benar-benar memberi manfaat kepada negara?

Kad Situasi 3

Hendry sering melihat bapanya menanam herba tempatan di belakang rumah. Baru-baru ini, ada pelajar luar negara datang melawat untuk belajar tentang tumbuhan tersebut. Bagaimanakah Hendry boleh menyumbang kepada usaha memelihara ilmu warisan negara?

Kad Situasi 4

Rachel menyertai projek inovasi yang melibatkan penggunaan bahan semula jadi untuk menghasilkan produk kecantikan tempatan. Bagaimanakah Rachel dapat memastikan produknya mencerminkan keunikan sumber alam Malaysia?

4. Guru akan membuat rumusan dan penilaian berdasarkan aktiviti murid.